

UMS perkenal Geran Kolaborasi

► 170 kakitangan akademik terima Anugerah Penyelidik UMS

UB 4.6.2016 A2

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkenalkan Geran Kolaborasi penyelidikan dengan pihak luar bermula tahun ini dalam usaha menghasilkan lebih banyak produk penyelidikan bermutu tinggi.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata geran khas itu diperkenalkan sebagai usaha meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan yang dihasilkan oleh kakitangan akademik UMS.

Melalui usahasama dengan pihak luar itu, katanya, ia akan meningkatkan peluang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi dan mengangkat nama UMS di peringkat antarabangsa.

“Di peringkat awal, peruntukan yang diberi bagi setiap kolaborasi adalah RM200,000 dengan institusi luar negara dan RM70,000 bagi penyelidik yang berkerjasama dengan institusi dalam negara.

“Dalam masa yang sama, kita juga ingin melihat setiap peruntukan yang dibelanjakan akan memperlihatkan impak yang besar selaras dengan jumlah peruntukan yang diberikan,” katanya ketika merasmikan Anugerah Penyelidik UMS (APUMS) 2015 di Dewan Bangkuasi UMS, di sini kelmarin.

Selain geran berkenaan, UMS juga menyediakan geran penyelidikan dalaman yang dikenali sebagai Skim Geran Penyelidikan UMS yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2 juta. Ia terbahagi kepada Skim Pensyarah Lantikan Baru dan Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan.

Harun berkata sebagai usaha menyuburkan budaya dan kecermerlangan penyelidikan dan inovasi, pengurusan UMS sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan penyelidikan.

Atas sebab itu, katanya, jika dilihat pencapaian dalam bidang penyelidikan tahun lalu, UMS menerima peruntukan sejumlah RM7.1 juta bagi melaksanakan 69 projek penyelidikan baru.

“Daripada produk penyelidikan itu, dua produk penyelidikan berjaya dipatenkan sementara empat produk lagi telah difaikan. Manakala, 18 produk berjaya didaftarkan dengan cap dagangan dan hak cipta.

“UMS menyasarkan 420 artikel akan diterbitkan oleh kakitangan akademik UMS pada tahun ini bagi mencapai sasaran Indeks Pencapaian Utama (KPI) seperti ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi.

Harun berkata dalam membantu menyediakan kemudahan yang lengkap kepada penyelidik, UMS



HARUN(tengah) menyampaikan anugerah kepada Norazah (kanan) sambil diperhatikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof (dua kanan) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS Prof Madya Dr Ismail Ali (kiri).

berjaya memperoleh akreditasi MS ISO 15189 Ujian Perubatan Metalogi dalam mewujudkan Makmal Haemostasis di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Dalam majlis anugerah itu, 397 anugerah dan penghargaan diberikan kepada 170 kakitangan akademik UMS. Terdapat tiga penghargaan baharu diwujudkan iaitu penghargaan lima penulis profilik dalam

jurnal berimpak faktor; penghargaan lima penulis peroleh sitasi terbanyak; serta penghargaan akreditasi makmal.

Bagi Anugerah Penyelidik Harapan, ia diberikan kepada Assis Kamu; Anugerah Tokoh Penyelidik (Sains Sosial) diberikan kepada Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki; dan Anugerah Tokoh Penyelidik (Sains) kepada Dr Clarence M Ongkudon.

Untuk penghargaan

pencapaian Skor MyRA (Malaysian Research Assessment Instrument) tertinggi pula, penerimaannya adalah Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan; Fakulti Kejuruteraan; Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan; Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Insitut Penyelidikan Marin Borneo; Unit Kecerdekaan Buatan; Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari; dan Unit Penyelidikan Air.